

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN HARI TERBUKA INSTITUT KESIHATAN UMUM, JALAN BANGSAR, KUALA LUMPUR
Lokasi : INSTITUT KESIHATAN UMUM, JALAN BANGSAR, KUALA LUMPUR
Tarikh : 06-11-1985

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Kesihatan Umum yang telah menjemput saya untuk merasmikan Hari Terbuka Institut ini. Saya juga berasa gembira kerana dapat peluang menemui mereka yang pada satu masa dahulu saya sendiri telah bersama-sama bekerja dengan mereka.

2. Sebagai sebuah Institut yang utama untuk melatih pekerja-pekerja kesihatan di negara ini, ianya secara tidak langsung memainkan peranan yang penting dalam penurunan kadar penyakit dan kematian di negara kita.

3. Seperti yang diketahui, kadar kematian di negara kita telah menurun sedikit demi sedikit pada masa-masa yang lalu. Dari tahun 1970 hingga 1983, data-data telah menunjukkan kadar kematian ibu telah menurun daripada 1.48 kepada 0.40 bagi setiap 1000 kelahiran yang hidup. Kadar kematian kanak-kanak telah menurun daripada 40.8 kepada 20.

3 bagi setiap 1000 orang. Kadar kematian kanak-kanak dalam umur 1 bulan pula telah menurun daripada 22.9 kepada 12.4 setiap 1000. Penurunan kadar kematian ini dapat dicapai oleh kerana perkembangan kemudahan perkhidmatan kesihatan luar bandar yang menyeluruh dan taraf sosio-ekonomi negara yang semakin maju. Pada hujung tahun 1980 terdapat 77 buah Pusat Kesihatan Besar, 252 buah Pusat Kesihatan Kecil, 914 rumah bidan klinik dan 551 buah klinik desa. Perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak di negara ini menumpukan perhatian kepada program kesihatan keluarga yang dikembangkan untuk memberi satu perkhidmatan yang komprehensif lagi menyeluruh. Kerana kita sedar sesebuah keluarga itu berkembang sebagai satu unit maka banyaklah faktor-faktor yang mempengaruhi kesihatan individu dalam keluarga tersebut. Selain daripada perkembangan kemudahan fizikal, kejayaan rancangan kesihatan bergantung kepada perkhidmatan kakitangan-kakitangan yang berdedikasi dan juga penyertaan masyarakat dalam menggunakan kemudahan yang telah disediakan.

4. Latihan untuk kakitangan kesihatan sentiasa diberi keutamaan. Oleh itu Institut ini menyediakan latihan-latihan asas kepada Inspektor Kesihatan, Jururawat Kesihatan Umum dan Pegawai Pelajaran Kesihatan. Melalui Pusat Latihan Amali ini pelatih-pelatih didedahkan kepada situasi luar bandar dan ditunjuk-ajar bagaimana mengendalikan orang ramai dalam usaha mendapatkan penyertaan mereka supaya dapat menggunakan perkhidmatan kesihatan ini dengan sepenuhnya.

5. Namun demikian apa yang sangat mendukacitakan ialah ada beberapa buah negeri dan daerah tertentu di mana perkhidmatan kesihatan ibu dan anak tidak dapat digunakan sepenuhnya. Perkara ini dapat kita lihat daripada perbezaan kadar kematian antara berbagai negeri dan daerah. Di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang misalnya, kadar kematian adalah tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Salah satu sebab kematian ibu pada masa yang lampau adalah disebabkan tumpah darah (PPH) selepas bersalin. Perkara yang menyebabkan kematian kanak-kanak pula di peringkat awal adalah disebabkan oleh keadaan ibu sewaktu mengandung dan bersalin. Kematian ini dapat dielakkan melalui latihan-latihan yang komprehensif dalam mengendalikan keadaan seperti ini seperti yang diadakan oleh Institut ini.

Pada hemat saya penggunaan perkhidmatan oleh orang ramai adalah lebih penting. Kita dapati sudah menjadi satu kebiasaan antara ibu-ibu terutama di negeri-negeri yang tinggi kadar kematiannya di mana ibu-ibu tersebut tidak mahu dihantar ke hospital untuk bersalin. Sungguhpun bersalin di rumah tidak

dilarang dalam keadaan tertentu, namun demikian bayi yang dilahirkan perlu disambut oleh kakitangan kesihatan yang terlatih.

6. Tidak dapat dinafikan bahawa bidan kampung itu adalah orang yang disukai dan dihormati oleh masyarakat luar bandar. Kelahiran yang disambut oleh bidan-bidan kampung ini walaupun telah menurun, masih terdapat di beberapa buah tempat. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mengakui peranan yang dimainkan oleh bidan-bidan kampung dalam perkhidmatan kesihatan ibu dan anak. Mereka telah didaftarkan di bawah Akta Bidan 1966. Oleh yang demikian kakitangan kesihatan di negara ini perlulah berlatih, mengawas dan bekerjasama dengan bidan-bidan kampung.

7. Selama ini Kerajaan telah memandang berat kejadian penyakit cirit-birit dan kekurangan zat makanan yang semakin meningkat di kalangan bayi-bayi yang menghisap susu botol.

Di antara lain, masalah ini adalah disebabkan oleh penggunaan air yang tidak bersih, penggunaan botol susu yang kotor dan persiapan susu yang tidak betul. Ada beberapa tindakan yang telah diambil oleh ibu-ibu untuk mengubah-suaikan makanan bayi, tetapi apa yang lebih penting ialah ibu-ibu itu hendaklah memberi susu badan kepada bayi mereka sendiri.

8. Berbagai rancangan terutama rancangan makanan dan pemakanan dan rancangan 'oral rehydration' telah diwujudkan untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan ini perlu diperbaharui dan ditingkatkan dari masa ke semasa berdasarkan keperluan masyarakat yang kian berubah. Dalam hal ini, Institut Kesihatan Umum telah memulakan rancangan penyelidikan dalam perkhidmatan kesihatan. Saya difahamkan bahawa penyelidikan dalam perkhidmatan kesihatan adalah satu cara pengurusan yang baru yang bertujuan untuk memudahkan pengurus-pengurus kesihatan untuk membuat keputusan yang menyeluruh. Penyelidikan ini akan memberi asas yang saintifik untuk pewujudan keputusan pengurusan dalam sistem kesihatan.

9. Untuk berfungsi dengan lebih efektif dalam suasana yang semakin mencabar maka perlulah pengurus membiasakan diri dalam menggunakan berbagai macam teknik pengurusan dalam perkhidmatan mereka. Saya mengucapkan syabas kepada Institut Kesihatan Umum kerana telah memulakan latihan teknik pengurusan bagi pengurus-pengurus kesihatan di Kementerian Kesihatan.

10. Saya berharap Perkhidmatan Penyelidikan Kesihatan ini dapat memberi maklum balas untuk penyesuaian dan perkembangan rancangan-rancangan baru. Sempena Hari Terbuka Institut ini, saya berharap orang ramai terutama sekali penuntut-penuntut sekolah menengah dan penuntut kejururawatan akan melawat ke Institut ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai perkembangan kerjaya dalam bidang kesihatan. Saya juga berharap orang awam akan lebih menyedari peranan Jururawat Kesihatan Umum dan Inspektor Kesihatan supaya mereka mendapat lebih manfaat dari perkhidmatan yang disediakan.

11. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pegawai-pegawai dan kakitangan Institut Kesihatan Umum atas dedikasi dan daya usaha mereka atas sumbangan yang diberi untuk meninggikan mutu dan prestasi latihan. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada tiga orang pegawai yang telah terpilih kerana perkhidmatan cemerlang mereka dan saya harap kakitangan yang lain akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi.

12. Sejarah perkembangan Institut ini bertitik tolak daripada beberapa pegawai yang mula-mula berkhidmat di Institut ini. Saya ingin memberi ucapan tahniah kepada mereka yang telah diberi penghargaan atas jasa bakti dan sumbangan mereka terhadap perkembangan Institut Kesihatan Umum sebagai satu pusat latihan untuk melatih Jururawat Kesihatan Umum dan Inspektor Kesihatan.

Tuan-tuan dan puan-puan, 13. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Hari Terbuka ini dengan rasminya. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.